



MINISTRY OF PLANTATION AND COMMODITIES
MALAYSIA

PRESS STATEMENT

**PORTSIM AT 20: DRIVING MALAYSIA–CHINA PALM OIL PARTNERSHIP
THROUGH INNOVATION AND SCIENTIFIC DIPLOMACY**

SHANGHAI, CHINA, 19 MAY 2025 – Malaysia’s strategic presence in China’s high-value palm oil market has been significantly bolstered by the work of the Palm Oil Research and Technical Service Institute of Malaysia (PORTSIM) in Shanghai — a vital institution that continues to shape the future of palm oil trade through science, innovation, and bilateral cooperation.

Speaking at the 20th Anniversary Celebration Dinner of PORTSIM held on Sunday evening at the Qiantan Shangri-La Hotel in Shanghai, Deputy Minister of Plantation and Commodities, Datuk Chan Foong Hin, highlighted PORTSIM’s critical role as a catalyst for science-driven economic diplomacy. Over the past two decades, PORTSIM has contributed meaningfully to the sustainable growth and diversification of Malaysian palm oil exports to China.

“Malaysia’s investment in research, development, and commercialisation (R&D&C) through PORTSIM has produced concrete outcomes — not only in terms of boosting export value, but also in reinforcing the image of Malaysian palm oil as a high-quality, reliable raw material for various downstream industries in China,” said Chan.

He noted that R&D&C activities spearheaded by PORTSIM have directly contributed to export earnings worth RM357.98 million in 2024 — representing a 13.56% increase in value compared to if the same volume were traded as crude commodities.

The celebration was also attended by Dato' Yusran Shah Mohd Yusof, Secretary-General of the Ministry of Plantation and Commodities; Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir, Director-General of the Malaysian Palm Oil Board (MPOB); and Mr Yoong Jun Hao, General Manager of PORTSIM. The dinner featured dishes prepared with red palm oil, including sour soup beef, boiled chicken, and stir-fried abalone.

As the official branch of MPOB in China, PORTSIM serves as a bridge for deepening Malaysia–China cooperation in technical research, palm oil application development, and industry-to-industry linkages. Since its establishment in 2005, the institute has played a central role in catalysing palm oil innovation through partnerships with Chinese universities, research institutions, and private enterprises.

Among its notable contributions are the new formulation of palm-based products for food, oleochemical, and animal feed applications tailored to the Chinese market; the development of new product innovations; and the provision of technical support to local industries — all of which have helped drive increase the adoption and demand for Malaysian palm oil across China’s rapidly evolving industrial landscape.

“PORTSIM has been instrumental in expanding the use of Malaysian palm oil in key consumer segments such as fast food, bakery, soaps and detergents, cosmetics, and animal feed and pet food. Its technical advisory services have enhanced industry confidence in Malaysian palm oil as a premium, versatile input with a broad range of applications across food and non-food sectors,” Chan added.

He further emphasised that the Ministry of Plantation and Commodities views PORTSIM as a model of how science-based diplomacy and value-added strategies can support national efforts to safeguard the long-term sustainability and competitiveness of Malaysia’s palm oil industry on the world stage.

“In 2024 alone, Malaysia exported nearly RM10.6 billion worth of palm oil products to China — accounting for more than half of Malaysia’s total Agri-commodity exports to the country,” he said.

Looking ahead, the MPOB and PORTSIM will continue to deepen strategic collaboration with the Ministry and industry stakeholders in China to unlock new opportunities, expand high-impact research, and enhance the positioning of Malaysian palm oil as a product that is not only high in quality and innovation, but also firmly aligned with global sustainability goals.

MINISTRY OF PLANTATION AND COMMODITIES
19 MAY 2025



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PORTSIM 20 TAHUN: PEMACU KERJASAMA INDUSTRI SAWIT MALAYSIA- CHINA MELALUI INOVASI DAN DIPLOMASI SAINTIFIK

SHANGHAI, CHINA, 19 MEI 2025 – Komitmen Malaysia untuk mengukuhkan kehadiran dalam pasaran minyak sawit bernilai tinggi di China terus diperkukuh dengan peranan strategik yang dimainkan oleh Institut Penyelidikan dan Khidmat Teknikal Minyak Sawit Malaysia di Shanghai (PORTSIM).

Menurut Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Chan Foong Hin, PORTSIM kini muncul sebagai enjin utama diplomasi ekonomi berasaskan sains dan inovasi, dan telah menyumbang secara langsung kepada peningkatan eksport minyak sawit Malaysia ke China secara mampan dan berimpak tinggi sejak dua dekad lalu.

“Pelaburan Malaysia dalam bidang penyelidikan dan pengkomersialan (R&D&C) menerusi PORTSIM membuah hasil nyata — bukan sahaja dari segi peningkatan nilai eksport, malah turut memperkukuh kedudukan minyak sawit Malaysia sebagai bahan asas berkualiti tinggi dalam pelbagai sektor pengguna akhir di China,” katanya.

Tambah beliau, hasil aktiviti R&D&C PORTSIM telah menyumbang nilai eksport produk sawit Malaysia sebanyak RM357.98 juta pada tahun 2024, iaitu 13.56% lebih tinggi berbanding nilai produk sekiranya dijual sebagai komoditi mentah.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-20 PORTSIM yang berlangsung di Hotel Qiantan Shangri-La, Shanghai, pada malam Ahad lalu. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi, Dato' Yusran Shah Mohd Yusof; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir; dan Pengurus Besar PORTSIM, Yoong Jun Hao. Majlis makan malam tersebut menghidangkan masakan yang menggunakan minyak sawit merah, termasuk daging lembu dalam sup masam, ayam rebus, dan abalon tumis.

PORTSIM, sebagai cawangan rasmi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di China, berperanan sebagai jambatan kerjasama erat antara Malaysia dan China dalam aspek penyelidikan teknikal, pembangunan aplikasi minyak sawit dan pengukuhan hubungan industri dua hala.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2005, PORTSIM telah menjadi pemangkin kepada

pelbagai aplikasi minyak sawit dalam sektor makanan, oleokimia dan makanan ternakan berasaskan sawit menerusi kerjasama dengan universiti, pusat penyelidikan dan syarikat swasta China. Kejayaan ini termasuk penghasilan formulasi baharu produk berasaskan minyak sawit untuk aplikasi makanan, oleokimia, dan makanan ternakan yang disesuaikan dengan pasaran China; pembangunan inovasi produk baharu; serta penyediaan sokongan teknikal kepada industri tempatan — kesemuanya telah membantu meningkatkan penggunaan dan permintaan terhadap minyak sawit Malaysia dalam landskap perindustrian China yang pesat berkembang.

“PORTSIM turut membantu memperluas penggunaan minyak sawit Malaysia dalam pelbagai segmen pengguna akhir seperti makanan segera, kuih-muih dan pastri, sabun, pencuci harian, kosmetik, serta makanan ternakan dan makanan haiwan peliharaan. Khidmat nasihat teknikal yang ditawarkan turut memperkukuh keyakinan industri terhadap minyak sawit Malaysia sebagai bahan asas premium yang mampan,” ujar Chan.

Tambah beliau lagi, Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) melihat kejayaan PORTSIM sebagai contoh terbaik diplomasi ekonomi berasaskan sains dan nilai tambah yang menyokong misi negara untuk menjamin kelangsungan dan daya saing industri sawit di peringkat antarabangsa.

“Pada tahun 2024 sahaja, Malaysia telah mengeksport hampir RM10.6 bilion nilai produk minyak sawit ke China, mewakili lebih separuh daripada jumlah eksport komoditi pukal Malaysia ke China,” katanya.

Melangkah ke hadapan, MPOB dan PORTSIM akan terus memperkukuh kerjasama strategik bersama KPK dan rakan industri di China bagi meneroka peluang baharu, memperluas penyelidikan bernilai tinggi, serta meningkatkan penerimaan dan penggunaan minyak sawit Malaysia sebagai produk yang berkualiti, mampan dan berinovatif tinggi.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
19 MEI 2025